



مَحْلِيسُ اِنْسَانِ اَمْرَدَانْ عَادَةِ رَسَامِ مَلَائِكَةِ فَرَجَعَ

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

PERATURAN PELAKSANAAN
PROGRAM BRIGED PENCERAMAH MASJID
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.



مَحْلِسُ اَنْجِامِ اِسْلَامِ دَارَانْ عَادَةِ رِسَامِ مَلَائِكَةِ فَتحٍ

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

PERATURAN PELAKSANAAN PROGRAM BRIGED PENCERAMAH MASJID NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

1. MUQADDIMAH

KDYTM Tengku Mahkota Pahang telah menitahkan melalui mesyuarat penuh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang agar diwujudkan Program Briged Penceramah Masjid bagi mengimarah dan menghidupkan majlis ilmu di seluruh masjid Negeri Pahang untuk mendidik dan membimbing masyarakat setempat. Program ini juga diharapkan dapat menjadikan masjid sebagai tempat percambahan ilmu dan mengeratkan siliatulrahim serta melahirkan penceramah - penceramah yang baru dan berwibawa.

2. TENAGA PENCERAMAH

Bagi merealisasikan Program Briged Penceramah Masjid ini, MUIP hendaklah menyenaraikan senarai nama penceramah bagi mengisi tenaga penceramah untuk Program Briged Penceramah Masjid.

Tenaga Briged Penceramah ini terdiri daripada :

- i. Guru-guru agama lepasan Ijazah, diploma, sijil dari pusat pengajian agama di dalam dan luar negeri .
- ii. Pegawai Agama dari Jabatan Agama, Mufti, MUIP, Pendidikan dan lain agensi kerajaan dan swasta.
- iii. Pensyarah dan pendidik dari institusi pendidikan.
- iv. Guru . guru agama pondok .
- v. Pesara guru agama dan pegawai agama .
- vi. Penceramah bebas yang bertauliah .

Kesemua tenaga penceramah ini adalah terikat dengan peraturan mengajar agama yang dikeluarkan oleh MUIP.

Pelantikan penceramah adalah bersifat sukarela dan boleh ditamatkan pada bila-bila masa apabila dikehendaki oleh MUIP.

Penceramah hendaklah melaporkan perkembangan kelas setiap bulan kepada MUIP apabila dikehendaki berbuat demikian.

3. SUKATAN PENGAJARAN

Setiap penceramah akan ditentukan bidang pengajaran agama mengikut kemahiran masing-masing sama ada bidang Fekah, Tauhid, Tafsir, Hadis,Tasawuf dan lain . lain yang difikirkan perlu oleh MUIP.

Pengajaran bagi kelas briged ini akan ditentukan kesesuaianya oleh MUIP dan berpandukan kepada kitab yang ditetapkan.

Pengajaran di masjid adalah dalam bentuk kelas pengajian khusus bukannya secara ceramah umum.

4. KELAS PENGAJIAN

Kelas pengajian ini hanya boleh diadakan di masjid dan masa yang telah ditentukan serta pelaksanaannya boleh diadakan pada waktu siang ataupun malam berdasarkan kepada keperluan jemaah setempat.

Kelas pengajian ini adalah untuk golongan dewasa sahaja (Lelaki / Perempuan) .

Setiap masjid hanya boleh mengadakan kelas pengajian briged untuk 1 kali seminggu dan sekurang - kurangnya 1 jam bagi satu sesi atau kekerapan yang difikirkan perlu oleh MUIP .

Kekerapan kelas pengajian antara 4 . 5 sesi sebulan.

MUIP hendaklah menentukan masjid bagi setiap penceramah.

Pihak Jawatankuasa dan Pegawai Masjid hendaklah melaksanakan arahan MUIP bagi pelaksanaan Program Briged Penceramah Masjid.

5. ELAUN TENAGA PENGAJAR

Bayaran elaun kepada tenaga penceramah briged ialah sebanyak RM70.00 untuk satu sesi kelas pengajian.

Tenaga briged penceramah akan membuat tuntutan secara bulanan kepada MUIP Cawangan Daerah dengan mengemukakan borang tuntutan dan laporan mengajar.

Bayaran akan dibuat samada secara tunai di MUIP Cawangan Daerah atau di masukkan ke dalam akaun penerima.

Tenaga Briged Penceramah dikehendaki menandatangani baucer penerimaan setiap kali menerima bayaran di MUIP Cawangan.

6. SYARAT DAN PERATURAN

- i. Tenaga Penceramah mestilah terdiri daripada senarai nama yang disediakan atau nama lain yang diluluskan oleh MUIP.
- ii. Bayaran hanya untuk kelas Briged Penceramah Masjid bukan untuk kelas fardhu Ain, Kelas Takmir Masjid, Kelas Al Quran, Forum dan sebagainya .
- iii. Penceramah terikat dengan peraturan mengajar yang dikeluarkan oleh MUIP .
- iv. Semasa sesi pengajian tidak dibenarkan melibatkan / mengaitkan dengan mana - mana fahaman politik kepartian.
- v. Mengajar Fiqah dalam Mazhab Syafie dan Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah .
- vi. Imam yang dibayar elauan dan mengajar di masjid di mana dia ditugaskan tidak dibenarkan menuntut, kecuali di tempat lain @ atas keperluan yang difikirkan wajar oleh MUIP serta hanya dibenarkan mengajar di satu tempat sahaja.
- vii. Guru-guru yang dibayar elauan dan mengajar di masjid di mana dia ditugaskan tidak dibenarkan menuntut, kecuali di tempat lain @ atas keperluan yang difikirkan wajar oleh MUIP serta hanya dibenarkan mengajar di satu tempat sahaja.

7. PENUTUP

Penubuhan Briged Penceramah Masjid ini diharapkan menjadi pemangkin kepada perkembangan dan kemajuan pendidikan agama Islam di seluruh negeri Pahang. Ianya juga diharapkan mampu mengimarahkan masjid dan menjadikannya sebagai pusat perkembangan agama Islam yang memberikan manfaat dan bimbingan kepada masyarakat Islam ke arah umat yang cemerlang didunia dan akhirat .

***Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid Bin Wan Hassan
SSAP., SIMP., DSAP., JSM., AMP.,
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam
Melayu Pahang.***

Tarikh :